

Tajuk : ‘ Tidak gagal untuk selamanya’

© SABTU 3 NOVEMBER 2012

BH



Navin menunjukkan **Piala Anugerah Presiden diterimanya bersama graduan cemerlang lain** selepas Majlis Konvokesyen Ke-15 PPKS/ICATS di Samarahan, semalam.

[FOTO MICHEAL SERING/BH]

‘Tidak gagal untuk selamanya’

» *Anak pekerja ladang teh dipilih pelajar terbaik Konvokesyen PPKS/ICATS*

Oleh Micheal Sering
bhnews@bharian.com.my

■ Samarahan

Kegagalan anak pekerja ladang teh memperoleh diploma kejuruteraan, bukan penghalang kepada dia mendapat keputusan cemerlang kursus Diploma Pengurusan Ladang.

Navin Vijayar, 25, dari Cameron Highland, terpilih sebagai pelajar terbaik Anugerah Presiden pada Konvokesyen Ke 15 Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak (PPKS) dan Kolej Antarabangsa Teknologi Lanjutan Sarawak (ICATS), semalam.

Beliau antara 674 graduan yang menerima diploma dan sijil yang disampaikan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Amar Mohamad Morshidi Abdul Ghani di Dewan Tuanku Abdul Rahman, Kampus Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), di sini, semalam.

Tebus semula kekecewaan
“Anugerah ini berjaya menebus semula kekecewaan keluarga terhadap saya, kerana pernah gagal menghabiskan pengajian diploma kejuruteraan mekanikal di institusi pengajian tinggi di Pulau Pinang,” katanya.

Pemilihannya kerana cemerlang akademik, aktif ak-

tiviti pelajar, menghormati pensyarah serta mesra dengan pelajar lain sepanjang pengajian di PPKS/ ICATS.

Navin turut menerima Anugerah Industri Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (STIDC) mengakui sebelum ini mendapat dirinya tidak berminat belajar kejuruteraan sehingga memutuskan tidak meneruskan mengikuti pengajian.

“Saya melayari laman web PPKS/ICATS dan terus tertarik dengan kursus Diploma Pengurusan Ladang yang ada ditawarkan dan terus membuat permohonan secara atas talian,” katanya.

Beliau yang dibesarkan di ladang teh Cameron Highlan-

ds berkata, minat kepada ladang wujud sejak sekian lama dan ingin berkerja di sektor perladangan mengikut jejak bapanya.

Bercita-cita ikut jejak bapa

“Saya bercita-cita mengikut jejak bapa, Vijayar Raman Kutty, 54, yang bekerja di ladang teh, tetapi bukan hanya sekadar pekerja ladang biasa tetapi berjawatan lebih tinggi sebagai pengurus ladang atau pegawai syarikat perladangan dengan diploma ini,” katanya.

Katanya, beliau memilih kursus peladangan kerana melihat sektor pertanian menyediakan peluang pekerjaan luas kepada graduan.